

Tajuk: MAJLIS PERASMIAN DEBAT AGUNG EKONOMI
Tarikh: 28 October, 1984
Tempat: Universiti Malaya
Penceramah: YAB Tun Daim Zainuddin

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM,

Tuan Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Siti Hasmah Haji Omar,

Datuk-datuk,

Professor Firdaus Abdullah,

Seterusnya saudara saudari sidang hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya, kita dapat bersama-sama di Majlis yang meriah pada petang ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur Debat Agung Ekonomi tahun ini yang telah menjemput saya berucap disini dan seterusnya, merasmikan pembukaan majlis perdebatan ini.

Usaha saudara-saudara untuk mengadakan pertemuan begini setiap tahun sangat bermakna. Debat Agung ini, pada hemat saya, sudah menjadi tradisi keilmuan yang sukar ditandingi, sesuai dengan kedudukan dan sumbangan Universiti Malaya, universiti tertua di negara ini. Sunqquhnya usaha ini menjadi pancaran kepada semangat dan falsafah pelajaran yang diamalkan oleh negara.

Oleh kerana itulah, walaupun saya ini tidak terkenal sebagai orang yang suka bercakap, baik di Parlimen ataupun di perhimpunan-perhimpunan politik, saya menerima undangan saudara-saudara dengan segala besar hati. Kalaupun buah percakapan saya nanti mungkin tidak dapat memenuhi jangkaan saudara-sauclara sekurang-kurangnya saya boleh bermesra dengan saudara-saudara.

Saya tak tahu mengapa kalau saya masuk ke perkarangan kampus Universiti, baik di manapun, hati terasa muda, tenaga terasa lebih kuat dan fikiran macam terlepas daripada segala belenggu. Barangkali kerana suasana Universiti, suasana tempat mencari ilmu itu yang kuat mempengaruhi jiwa saya. Barangkali sebab itulah ramai juga di kalangan kita yang masih seronok belajar walaupun tidak boleh dianggap muda di segi umur. Mencari ilmu tidak terhad kepada umur.

Semua kita akan mengalami zaman remaja atau zaman muda. Zaman kita mengejar cita-cita, membakar semangat membina harapan, zaman kita mengenal cinta, kekecewaan dan putus asa. Inilah juga zaman kita menentang dan memberontak terhadap conventions, norms dan social behaviour yang dianggap mengongkang kemajuan kita. Kita menjadi, dalam istilah John Osborne, the angry young man yang menganggap seluruh dunia sebagai musuhnya. Ketika John Osborne melahirkan istilah itu, saya termasuk di dalam golongan 'The angry young man'. Although I am no longer young that does not mean I am less angry. In fact I am now not only angry but very angry over corruption, inefficiency and wastage. Saya harap bila saudara-saudara sudah lulus kelak janganlah tinggalkan "anger" di kampus. Bawa bersama-sama saudara anger terhadap segala corruption, injustices and inefficiency di negara ini. Ramai kawan-kawan kita di sini yang mungkin mengenang kembali zaman muda, waktu berdemonstrasi di kampus dan jalan-jalan raya, membawa laudhailer, mengelak-ngelak daripada lontaran tear gas sambil meneriakkan slogan dan tuntutan-tuntutan yang revolusioner. Walaupun suasana di kampus-kampus sekarang agak tenang, sikap the angry young man tetap ada. Cuma bentuk manifestations saja yang berbeza.

Zaman muda ini menarik perhatian kerana waktu inilah kita selalu menganggap bahawa in pursuing our ideals, nothing is impossible. And in our pursuit of perfections, everybody is imperfect, except ourselves. In that state of mind, we always find it quite difficult to reconcile idealism with reality, so much so we are seldom at peace with ourselves, what more with the world.

Inilah yang terjadi pada J.D. Salinger misalnya yang mendapati bahawa the whole world is a phoney place filled with phonies; except himself. Tetapi idealism, dynamism and the fire from within itu boleh menjadikan orang-orang muda lebih receptive kepada perubahan, lebih cepat mengenali dan menerima perubahan, malah menjadi penggerak kepada perubahan sekiranya idealism is tampered with a sense of reality.

Saya sendiri waktu lebih muda dulu, selalu hendak mendapatkan sesuatu dengan cepat. Waktu kita menuntut kemerdekaan, kita mahu kerja itu berhasil dalam sekelip mata. Setelah kita merdeka, kita mahu negara kita maju dalam tempoh setahun dua. Bila kita menuntut supaya kerajaan mengubah dasar-dasar kita mahu perubahan itu dilakukan dengan cepat.

Begitulah bila kita masuk dalam dunia perniagaan, kita mahu cepat kaya, cepat untung. Ini semua tabiat darah muda siapa tidak mahu kaya, siapa tidak mahu untung? Kalau masuk business dan tahu akan rugi, jangan berniaga. Tuhan bagi kita akal fikiran. Dia mahu kita gunakan otak untuk berjaya. Malangnya, bukan semua yang di iimpikan boleh dicapai dalam sekelip mata. Perkara-perkara yang kita buat bukan silap mata atau magic show. In life there is no magic. In any given situation, we have to contend with the realities that rule our lives. We could move to change that reality. But before we could succeed, first and foremost we must understand it fully.

Misalnya kalau kita mengikut nafsu muda, kita mahu menghapuskan kemelesetan ekonomi yang mencengkam negara hari ini juga. Kita mahu dalam sekelip mata menghapuskan sama sekali semua bentuk penderitaan dan kemiskinan ekonomi di kalangan rakyat. Kita mahu, dalam sehari dua, menjadikan negara Islam yang tulen dan paling berpengaruh di dunia. Kita mahu semua kampung dan pelusuk rantau menjadi moden di samping mempertahankan keindahan aslinya. Banyak lagi yang kita mahu. Sebenarnya segala-gala yang baik kita mahu. Tapi mungkinkah kita capai segala impian itu dengan serta merta?

Jawabnya kita semua tahu. Tidak mungkin. Allah telah menentukan bahawa kita tidak dapat lari daripada proses waktu. Kejadian alam semesta ini menjadi contoh dan pengajaran yang utama bagi kita. Bayi yang dikandung ibu memerlukan sembilan bulan untuk dilahirkan. Bayi itu memerlukan waktu untuk menjadi remaja dan akhirnya dewasa. Semua benih yang ditanam memerlukan waktu untuk besar dan berbuah. Air di sungai memerlukan waktu untuk pasang dan surut. Demikianlah walaupun ada masyarakat yang diubah secara revolusi, tidak mungkin kemajuan dan pembangunan dicapai dalam masa yang singkat.

Negara kita baru 27 tahun merdeka. Masih tersangat muda, jika diingatkan bahawa kebanyakan tamaddun besar di dunia dicapai dalam jangka masa 1000 tahun. Tetapi dalam masa itu kita sudah berjaya membangunkan negara dan memajukan rakyat. Kita mesti mengakui bahawa jika dibandingkan dengan beberapa negara di ASEAN mahupun di dunia, negara ini lebih makmur, lebih maju, lebih adil dan lebih stabil. Kita jangan menafi kebenaran.

Semua ini tidak tercapai dengan serta merta. Aras itu di letakkan berpuluh tahun dahulu, perancangan dan pelaksanaan dilakukan terus menerus sebagai satu proses. Kerana telah ada asas yang kukuh mudahlah bagi kita atau memperteguhnya dari masa ke masa.

Dari segi idealism dan materialism semata-mata, banyak perkara yang telah dilakukan, tentu belum sempurna. Banyak juga yang mungkin tidak kena. Idealism misalnya, mahukan semua orang yang tak bertanah diberi tanah, semua kekayaan dibahagikan sama rata. Materialism pula bertuhankan kebendaan. Tidak ada had kepada nafsu dan keinginan manusia untuk menguasai dan memiliki segala kebendaan.

Kedua-duanya mahukan kebebasan yang sepenuh-penuhnya. Tetapi jika dituruti sepenuhnya pemikiran yang demikian, maka kita akan bertemu dengan satu makhluk yang disebut sebagai jin!

Kita juga mesti percaya kepada satu sumber lain yang menguasai kosmos dan kehidupan kita iaitu yang il-ghayb atau the Unseen. Inilah sumber yang menjadi the absolute spirit and Will of existence, yang bagi orang-orang Islam di-sebut sebagai Allah. Walau sekuat manapun kuasa jasmaniah manusia, walau sepintar manapun kuasa akliah manusia, kita perlu mengakui wujudnya kuasa terkuat daripada semua itu iaitu the Unseen power. Walaupun ahli-ahli falsafah seperti Hegel menganggap bahawa irrationality is the basis for Gods existence, and Marxism sees its task as the systematic eradication of all forms of religion, mengapakah Dostoevsky pula berkata "If we remove God from the universe, every act is permissible for a person?"

Dalam semua yang hendak di rancang dan dilaksanakan, terutama dalam soal nation-building, kita tidak boleh lupa pada perspektif ini. Iaitu there is a limit to our ideals, desires and needs. Jadi, apabila kita hendak melakukan sesuatu we must be guided by the wisdom of experiences and the humility of one who forever submits oneself to the Unseen.

Memang masih banyak masalah negara yang perlu diselesaikan dengan seberapa segera. Masalah perpaduan dan penyatuan (unity and national integration) rakyat misalnya perlu diberikan priority utama dalam setiap dasar dan perancangan.

Perpaduan dan penyatuan menjadi masalah meskipun dalam keluarga yang kecil, apalagi dalam sebuah negara berbilang bangsa dan kebudayaan.

Dalam beberapa hal, kita telah berjaya, tetapi masih banyak yang perlu dilakukan. Banyak rintangan yang akan dihadapi dan perlu diatasi. Yang penting ialah sikap kita. Semua lapisan dan golongan rakyat perlu memahami dan mempercayai bahawa negara ini tidak akan selamat dan makmur jika kita tidak bersatu, bahawa setiap kaum perlu hidup bersama kaum yang lain.

Masih ramai rakyat yang hidup di bawah garis kemiskinan. Kita tidak pernah berhenti untuk berusaha memperbaiki keadaan ini. Bukan mudah untuk mengatasi kemiskinan. Dalam banyak hal ia bukan saja a state of matter but also of the mind. Soal kemiskinan perlu dilihat bukan saja segi kebendaan tetapi, juga dari segi kejiwaan.

Orang masih boleh maju jika ia miskin benda, tetapi sangat sukar maju jika ia miskin jiwa dan fikiran. Dasar Pelajaran kebangsaan dan dasar Ekonomi Baru adalah langkah utama untuk mengatasi kemiskinan. Yang satu melalui jiwa dan fikiran, satu lagi melalui kebendaan.

Melalui langkah-langkah itu ramai anak-anak Melayu yang asalnya miskin kini telah mempunyai pelajaran, menjadi pemimpin masyarakat dan orang-orang yang berharta. Jadi, disamping perlu diadakan lebih banyak peluang ekonomi, kita juga perlu segera mengubah sikap dan fikiran golongan miskin. Mereka perlu mempunyai jiwa besar, berani menerima perubahan, bekerja bersungguh-sungguh dan ghairah mencari ilmu. Sangat sedikit kejayaan boleh didapati melalui nasib. Lebih banyak melalui kerja keras dan ketekunan.

Kita juga tidak patut berpuas hati dengan kestabilan politik negara waktu ini. Keadaan ini boleh berubah jika kita tidak hati-hati. Kita semua patut berwaspada terhadap kegilaan orang-orang yang hendak berkuasa semata-mata kerana kuasa. Mereka ini tidak pernah merasa bertanggungjawab kepada sesiapa kecuali cita-cita mereka. Oleh itu mereka menggunakan pelbagai kaedah dan isu untuk memesonkan kepercayaan/pegangan dan fikiran rakyat.

Mereka tidak peduli sama ada negara akan menjadi huru-hara atau musnah asalkan nafsu mereka dapat dipuaskan. Ada antara mereka yang berselindung di sebalik topeng intelektualisme untuk menyebarkan imaginasi dan khayalan mereka kepada masyarakat. Kebanyakan mereka ini tidak mempunyai alternatif yang lebih baik yang boleh dilaksanakan.

Kita tidak hidup bersendirian dalam dunia. Kita dikelilingi oleh negara-negara lain. Ada yang maju dan kurang maju. Kedudukan kita yang strategik di rantau ini menyebabkan kita mendapat perhatian kuasa-kuasa dunia. Mereka memerhati setiap tindakan kita dan mencari setiap peluang untuk memperbaiki kedudukan mereka. Oleh itu, kita perlu mengikuti kemajuan mereka, mempelajari ilmu mereka. Dasar Pandang ke Timur, persyarikatan Malaysia, pengswastaan, misalnya adalah ilmu daripada dunia maju yang boleh menguntungkan kita. Lebih daripada itu, ia boleh melindungi kita daripada dijajah oleh negara maju.

Pada waktu ini, dunia maju sedang dilanda apa yang disebut oleh Toffler sebagai The Third Wave. Dari segi komunikasi, misalnya, selepas Radio dan Televisyen, ciptaan baru yang sangat efektif sekarang ialah Komputer dan Direct Broadcast Satellites (DBS).

Kalau Radio dan Televisyen menyebabkan terjadinya the global village, misalnya, di kampung orang berhimpun untuk menonton TV, Komputer dan DBS akan menyebabkan masyarakat menjadi demassified. Maklumat menjadi perkara terpenting dalam hidup dan melalui maklumat fikiran seseorang boleh dikawal dan dikuasai.

Bayangkan apa akan terjadi kepada masyarakat kita kalau Amerika Syarikat boleh menghantar gambar TV terus menerus ke rumah saudara-saudara? Dan bagaimana kalau semua rakyat sudah boleh mengguna komputer?

Saya telah menyentuh secara sepintas lalu beberapa perkara yang perlu menjadi perhatian kita semua. Jika kita percaya bahawa tamadun ialah satu proses maka kita perlu berusaha mengekalkan perkara-perkara yang baik dan memperbaiki perkara-perkara yang tidak baik.

Central to all this would be the question of change. We should not change for the mere sake of change. We must only change when change is absolutely necessary. Bagi kebanyakan orang, perubahan itu selalu saja menakutkan. Kerana in this process, we move from the known to the unknown. Di sinilah tugas saudara-saudara, sebagai orang-orang muda yang terpelajar, menjadi crucial. Pertama, saudara-saudara mempunyai the widest access to information and the mental discipline to apply knowledge; kedua, saudara-saudara juga mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat.

Saya berharap saudara-saudara akan menggunakan peluang keemasan dan kedudukan yang ada pada saudara-saudara untuk membantu masyarakat dan negara supaya maju, berruarah dan stabil.

Saya berdoa agar Allah akan memberi petunjuk dan hidayah kepada kita semua dan dengan Bismillah, dan saya dengan sukacita merasmikan pembukaan Debat Agung Ekonomi ini.

Terima Kasih.